

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2(16)

2 September 2013
26 Syawal 1434

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 35 /2013

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, wujud kekosongan bagi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)** Gred Utama B (VU6) di Universiti Teknologi Malaysia.

2. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dengan memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut. Kriteria Umum pemilihan bagi jawatan tersebut adalah seperti berikut :

Kriteria Umum:-

- i) **Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehampuan calon.
- iv) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan (*proven track record*) serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

- v) **Personaliti**
Penyanggand mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh universiti.

4. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:


- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan kemas kini;
ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.

5. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Modal Insan, Pejabat Pendaftar UTM Johor Bahru selewat-lewatnya pada **13 September 2013**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,



WAN MOHD ZAWAWI BIN WAN ABD RAHMAN
Pendaftar

- s.k. YBhg Naib Canselor
 YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan /Pengarah